

Headline **3,206 isteri hidap HIV**
Date **06 Dec 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **293 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,548**
PRValue **7,643**



Aktiviti suami gemar 'makan luar' terutamanya di negara jiran

3,206 isteri hidap HIV

KOTA BHARU - Sikap segelintir suami yang kerap 'makan luar' dengan pelacur di negara jiran dikenal pasti menjadi punca ramai suri rumah di Kelantan dijangkiti penyakit HIV/AIDS berbanding wanita di negeri lain.

Presiden Majlis AIDS Se-Malaysia (MAC), Datuk Mohd. Zaman Khan (**gambar kecil**) yang mendedahkan perkara itu berkata, gaya hidup bebas golongan lelaki terutama yang telah berkahwin menjadi faktor utama isteri dan wanita secara tidak langsung terdedah kepada jangkitan virus berkenaan.

"Ramai wanita yang menghidap HIV/AIDS mendapat (penyakit itu) daripada suami mereka, sesetengah orang (lelaki) pergi pada pelacur dan mereka terdedah (kepada jangkitan HIV/AIDS).

"Misalnya orang lelaki selalu pergi ke Sungai Golok, selepas melakukan 'lawatan' ke sana, mereka kembali pada isteri mereka yang kemudian telah menyebabkan wanita atau isteri mereka menerima akibatnya dengan dijangkiti virus berkenaan," katanya pada majlis sambutan Hari AIDS Sedunia 2010 peringkat kebangsaan di sini semalam.

Pesakit HIV wanita tertinggi dicatatkan di Kelantan melibatkan 1,211 kes dan diikuti Johor dengan 1,124 kes diikuti Selangor 1,107 kes.

Bagaimanapun, jumlah pembawa virus HIV tertinggi direkodkan di negeri Johor dengan 14,987 kes diikuti Selangor, 12,244 kes; Kelantan 10,238 kes; Pahang 9,332 kes dan Terengganu 8,546 kes.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Hasan Abdul Rahman membe-



KEGIATAN melanggan pelacur oleh si suami boleh mendedahkan isteri kepada jangkitan HIV. - Gambar hiasan



ritahu, nisbah golongan wanita yang dijangkiti HIV/AIDS di seluruh negara meningkat dengan secara kumulatif seramai 3,206 orang suri rumah telah dijangkiti virus berkenaan sehingga September lalu.

Menurut beliau, senario HIV/AIDS di Malaysia mula berubah berbanding 10 tahun lalu yang mencatatkan sebanyak 75 peratus kes dikesan akibat berkongsi jarum manakala hanya 55 peratus dicatatkan pada tahun lalu.

"Trend peningkatan wanita yang dijangkiti HIV/AIDS secara keseluruhan di Malaysia menurun tetapi berlaku pening-

katan dari segi nisbah kerana jangkitan melalui hubungan seksual meningkat dari 18 peratus pada 10 tahun lalu kepada 32 peratus pada tahun lepas," katanya.

Beliau berkata, golongan wanita sememangnya lebih berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan HIV/AIDS iaitu dua kali ganda berbanding golongan lelaki.

"Sebab itu, mesti ada program bila wanita mengandung kena datang ke klinik atau hospital untuk membuat ujian dan mendapatkan rawatan sewajarnya. Wanita perlu tahu hak mereka untuk melindungi diri dan anak yang dikandung mereka," katanya.